



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT (KPWKM)**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN DAN AMANAT TAHUN BAHARU  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**15 JANUARI 2024 (ISNIN)  
8.30 PAGI – 10.30 PAGI  
DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

**SALUTASI**

- (i) YB Datuk Sri Dr. Noraini binti Ahmad  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**
  
- (ii) YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**
  
- (iii) YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**
  
- (iv) YBrs. Encik Chua Choon Hua  
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**
  
- (v) YBrs. Encik Norazman bin Othman  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat**
  
- (vi) YBrs. Dr.Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Wanita**

- (vii) YBrs. Encik Abdul Shukur bin Abdullah**  
**Ketua Pengarah**  
**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara**
- (viii) YBrs. Dr Faridah binti Awang**  
**Pengarah**  
**Institut Sosial Malaysia**
- (ix) YBrs. Puan Nordina binti Haron**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Yayasan Kebajikan Negara**
- (x) YBrs. Encik Sadli bin Osman**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Kaunselor**
- (xi) YBrs. Puan Syafeera binti Mohd Said**  
**Presiden**  
**Tribunal Antigangguan Seksual**
- (xii) Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit, saudari-saudari dan saudara-saudara warga KPWKM yang saya hormati sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah saya memanjatkan syukur kepada Allah S.W.T di atas nikmat dan kurniaan-Nya, pada hari ini saya dapat bertemu secara bersemuka dengan warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan dan Agensi di bawahnya dalam majlis kita hari ini.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga KPWKM yang telah menggembleng sepenuh tenaga dan usaha dalam menyempurnakan segala tugas serta peranan masing-masing sepanjang tahun 2023
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2024 kepada seluruh warga KPWKM. Adalah menjadi harapan agar tahun 2024 akan lebih baik berbanding daripada tahun sebelumnya.
4. Saya ingin berpesan kepada anda semua dan diri saya sendiri, untuk kita semua dapat terus mengekalkan momentum dan usaha yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2023 dan meneruskannya ke tahun ini, serta melaksanakan amanah dengan semangat untuk sentiasa menegakkan dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Apa jua yang memberi kelebihan dan kebaikan kepada kumpulan sasar kita, harus kita gandakan. Sekiranya terdapat kekurangan daripada penyampaian perkhidmatan yang dikenal pasti pada tahun lepas, haruslah ia ditambahbaik. Pencapaian tahun lepas haruslah dipertingkatkan lagi dan kelangsungan agenda dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk membantu kumpulan sasar mestilah diteruskan.

## **PENCAPAIAN KPWKM SEPANJANG TAHUN 2023**

## **Puan-puan dan Tuan-Tuan yang Dikasihi Sekalian,**

5. Kejayaan yang membanggakan dilakar sepanjang tahun 2023 menjadi bukti terhadap komitmen dan curahan tenaga tuan-tuan dan puan-puan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar Kementerian. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 untuk membantu kumpulan-kumpulan sasar Kementerian, antaranya:

### **Usaha Menjamin Kesejahteraan kanak-Kanak** melalui:

- Penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak berkuatkuasa 1 September 2023;
- 11 sesi *townhall* bagi garis panduan pengurusan penempatan kanak-kanak kepada ibu bapa pelihara atau orang yang layak dan sesuai;
- Permulaan Program advokasi kanak-kanak di 3 negeri; dan
- Pentauliahan 330 orang ahli Skwad Waja Insaniah sebagai pembantu pelindung kanak-kanak.

### **Mendayaupaya Orang Kurang Upaya** melalui:

- Program pendigitalan kad OKU di mana 49,230 kad OKU telah dicetak dengan kod QR;
- Semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008; dan
- 681,074 OKU telah berdaftar di bawah 7 kategori ketidakupayan berdasarkan janaan Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU).

### **Memperkukuh Institusi Keluarga** melalui:

- Kelulusan peruntukan yang diperoleh untuk membangunkan Pusat Subfertiliti Negara Pertama yang disasar untuk siap dibina dan beroperasi pada tahun 2028;
- Pelaksanaan 28 program rintis KASIH Keluarga Ceria;
- Kempen Kesedaran Reproduktif Wanita (WeCaRe) – 77,644 wanita telah menjalani saringan awal kanser payudara & serviks;

- Melaksanakan 225 program pengukuhan ilmu keibubapaan/keluarga, SMART Belanja, PEKA dan sebagainya) dengan penglibatan seramai 10,431 orang peserta; dan
- 231,667 orang remaja mendapat manfaat daripada 50 program K.A.S.I.H remaja yang dilaksanakan di Pusat Remaja, Mobile dan Trak KafeTEEN.

**Memperkasa Wanita** melalui:

- Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM (MyKASIH Kapital) dengan 7,639 wanita yang telah berjaya menjana pendapatan;
- 5,089,355 orang menyertai kempen SEJAHTERA Wanita (WOW); dan
- 40 peserta Program Wanita Bangkit@KPWKM telah memasarkan produk di kiosk terpilih.

**Merakyatkan perkhidmatan psikososial** melalui:

- Program Jelajah K.A.S.I.H Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS); yang telah menyantuni 19,476 klien;
- Kursus Bantuan Awal Psikologi kepada 93 sukarelawan; dan
- Perkhidmatan Tele-kaunseling oleh 528 kaunselor melalui kempen “Kami Dengar Kami Bantu”.

**Mewujudkan Persekitaran Selamat** melalui:

- Pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual berkuatkuasa 28 Mac 2023;
- Penguatkuasaan fasa pertama Akta Antigangguan Seksual
- 4,137 jurulatih dilatih menerusi bengkel kejurulatihan Antigangguan Seksual;
- 90 program advokasi dan kesedaran dilaksanakan melibatkan 30,987 orang peserta dan penganjuran program jerayawara advokasi

antigangguan seksual seluruh negara dengan penyertaan seramai 19,423 orang peserta dalam tempoh hanya 6 bulan!; dan

- Penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual bagi menyediakan platform pengendalian aduan berkenaan gangguan seksual sebagai salah satu hak tebus rugi kepada mangsa.

Bagi **Pengurusan Krisis dan Bencana** pula:

- Dari 11 November 2023 sehingga 2 Januari 2024, dalam Musim Monsun Timur Laut 2023/2024 ini sahaja, sebanyak 541 buah Pusat Pemindahan Sementara telah diaktifkan di 10 buah negeri melibatkan lebih 76,000 mangsa daripada hampir 23,000 keluarga disantuni;
- Justeru, di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pegawai dan kakitangan JKM di seluruh negara yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang serta menunjukkan komitmen tinggi selama ini terutamanya ketika menghadapi bencana banjir pada musim Monsun Timur Laut ini. Saya juga sedar bahawa sebilangan kakitangan kita pada saat ini masih sedang bertungkus-lumus dalam membantu mangsa banjir di lapangan di pelbagai tempat. Marilah kita mendoakan kesejahteraan dan keselamatan mereka serta agar motivasi dan semangat mereka untuk berkhidmat tidak akan luntur. Dengan musim Monsun Timur Laut yang dijangka berlarutan sehingga bulan Mac, kerjasama semua pihak amatlah diperlukan;
- Penglibatan Sukarelawan JKM juga, sama ada bantuan tenaga di depoh bencana ataupun Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sangatlah dihargai oleh pihak KPWKM;

## **HALA TUJU DAN FOKUS KPWKM TAHUN 2024**

**Puan-Puan dan Tuan-Tuan Yang Dikasihi,**

Mendepani cabaran tahun 2024 saya berharap kita semua warga KPWKM telah bersedia.

### **Belanjawan 2024**

6. KPWKM telah diberi peruntukan berjumlah RM3.5 bilion di bawah Belanjawan Tahun 2024. Peningkatan peruntukan tahun 2024 merangkumi keperluan tambahan bagi pengoperasian Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) dan pemantapan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak yang akan dilaksanakan secara berfasa. Peruntukan tahun 2024 yang lebih tinggi ini, jelas membuktikan bahawa Kerajaan serius dalam memastikan setiap inisiatif KPWKM yang dirancang dapat membantu kumpulan sasar seperti yang dihasratkan.
  
7. Oleh yang demikian, saya ingin menekankan mengenai 9 Kerangka Keberhasilan KPWKM Tahun 2024 yang seharusnya menjadi fokus semua warga KPWKM dalam melaksanakan tugas demi mencapai Visi dan Misi Kementerian iaitu:
  - (i) Mempertingkatkan Inisiatif Industri Penjagaan;
  - (ii) Memperkasa Wanita & Mengarus Perdana Gender;
  - (iii) Pengoperasian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak;
  - (iv) Memperkukuh Institusi Kekeluargaan;
  - (v) Mendaya Upaya Orang Kurang Upaya & Warga Emas;
  - (vi) Memperkasa Praktis Kerja Sosial;
  - (vii) Pengoperasian Tribunal Antigangguan Seksual;
  - (viii) Menambah Baik Perundangan, Akta dan Dasar; dan
  - (ix) Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan.

### **Mempertingkatkan Inisiatif Industri Penjagaan**



8. Dalam usaha mempertingkatkan inisiatif industri penjagaan pada tahun 2024, program-program perlu disusun bagi memperkasa kompetensi penjaga dalam usaha melahirkan lebih ramai penjaga yang berkemahiran:
- Selari dengan negara menua menjelang tahun 2030, program yang lebih intensif diperlukan bagi memperkasakan latihan penjagaan warga emas;
  - Modul Kursus Asuhan dan Jagaan OKU yang lebih berfokus mengikut kategori OKU perlu dibangunkan untuk menyokong perkembangan potensi OKU secara menyeluruh;
  - Pelaksanaan program Penjagaan Kesihatan Ibu Selepas Bersalin perlu dimantapkan melalui Program MamaCare; dan
  - Kempen Advokasi Kesedaran Penjagaan perlu digiatkan lagi.

### **Memperkasa Wanita & Mengarus Perdana Gender**

9. Untuk tahun 2024 juga, pelbagai program telah diatur sama ada berbentuk advokasi, pemerksaan komuniti, sokongan sosial, penjanaan pendapatan serta pewujudan persekitaran kondusif bagi menyokong sasaran Kerajaan untuk mencapai 60% penyertaan tenaga buruh wanita dan toleransi sifar keganasan terhadap wanita (ASSERT). Antara program yang akan terus dilaksanakan adalah pemerksaan Laman Wanita (LAWA), WeJana, WeBridge, Mamacare, Wanita Bangkit, Dasar Wanita Negara & Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Advokasi Antigangguan Seksual, Advokasi Keganasan Rumah Tangga, Modul Skwad Waja 3.0, Program IRIS, Program MATAHARI, Program KASIH Ibu Tunggal dan pelbagai program lain demi memperkasa wanita dan mengarus perdana gender.

### **Pengoperasian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak**

10. Kementerian juga perlu terus memberi fokus kepada agenda kanak-kanak supaya ia lebih menyeluruh dan menepati keperluan kanak-kanak dalam

semua aspek demi menjamin kesejahteraan dan masa depan anak-anak kita. Pelbagai langkah perlu diambil untuk tujuan ini seperti melaksanakan pindaan terhadap akta dan dasar berkaitan kanak-kanak, mempergiatkan program advokasi perlindungan kanak-kanak dan penyusunan tadbir urus dan pengoperasian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak.

11. Bagi program advokasi perlindungan kanak-kanak untuk tahun 2024 ini, kita akan tingkatkan sasaran kepada 300 buah sekolah melibatkan kerjasama Pasukan Pelindung Kanak-Kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK). Selain itu, kita juga menyasarkan untuk melancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara 2025 – 2030 pada tahun ini.

### **Memperkukuh Institusi Kekeluargaan**

12. Pelbagai program juga telah diatur pada tahun ini untuk memperkukuhkan lagi institusi keluarga. Antaranya adalah program advokasi KASIH: Keluarga Harmoni, Negara MADANI, Kembara KASIH KPWKM, Peluasan Projek Anjung Sinar serta pengoperasian Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit di Kuala Lumpur dan Rantau Panjang, Kelantan. Selain itu, saya berharap program-program intervensi dapat dilaksanakan selaras dengan dapatan atau penemuan dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia serta Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga demi membentuk institusi keluarga yang bahagia dan harmoni di Malaysia.

### **Mendaya Upaya Orang Kurang Upaya & Warga Emas**

13. Orang kurang upaya (OKU) dan warga emas juga perlu disantuni sewajarnya. Hak dan keperluan kumpulan sasar ini boleh dipenuhi melalui pelaksanaan program, dasar dan perundangan yang berkesan. Antaranya adalah melalui pembangunan program ekonomi OKU, memuktamadkan semakan semula Akta OKU 2008, semakan Dasar Warga Emas Negara,

penggubalan RUU Warga Emas dan peluasan peranan PAWE dengan konsep *Anywhere, Anytime, Anyplace*. Saya amat berharap perkara-perkara ini dapat dilaksanakan pada tahun 2024 demi mendaya upaya OKU dan warga emas di seluruh negara.

### **Memperkasa Praktis Kerja Sosial**

14. Usaha untuk memartabatkan profesion kerja sosial perlu diteruskan pada tahun ini bagi mengiktiraf terutamanya warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Saya berharap kajian kebolehlaksanaan RUU Profesion Kerja Sosial dapat dipercepatkan pelaksanaannya agar penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial dapat disiapkan pada tahun 2024. Di samping itu, program pengukuhan praktis kerja sosial juga perlu dipergiatkan agar kompetensi warga kerja JKM dapat ditingkatkan demi menambahbaik mutu perkhidmatan kepada segenap lapisan masyarakat.

### **Pengoperasian Tribunal Antigangguan Seksual**

15. Beberapa tindakan susulan bagi membolehkan Tribunal Antigangguan Seksual beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024 perlu dilaksanakan segera. Antaranya adalah penguatkuasaan peraturan-peraturan antigangguan seksual, penguatkuasaan sepenuhnya Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840), pelantikan Ahli Tribunal Antigangguan Seksual dan pengoperasian pejabat Tribunal di Menara Aras Raya, Kuala Lumpur. Oleh itu, saya menyeru kepada semua yang berkaitan agar mempergiatkan usaha untuk memastikan perkara-perkara ini dapat disegerakan dan Tribunal Antigangguan Seksual dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024.

### **Menambah Baik Perundangan, Akta dan Dasar**

16. Di samping RUU, Akta dan Dasar yang telah saya sebutkan sebentar tadi, terdapat beberapa lagi perundangan, Akta dan Dasar yang perlu disemak serta disediakan bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan KPWKM kepada kumpulan sasar Kementerian. Saya mahu tindakan dapat diambil bagi menyemak semula Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506), Dasar Keluarga Negara dan Dasar Sosial Negara agar selari dengan keperluan semasa. Di samping itu, saya juga mahukan agar penyediaan Dasar Kaunseling Negara juga dapat dimuktamadkan dan dilancarkan pada tahun 2024.

17. Di sini, saya ingin umumkan bahawa Kementerian akan melancarkan Dasar Sosial Negara 2024-2030 pada suku pertama tahun ini. Dasar ini akan menjadi satu dasar payung yang memfokuskan pembangunan manusia dan sistem sosial untuk mencapai sebuah masyarakat yang berdaya tahan, progresif, bertanggungjawab, prihatin, beretika dan mempunyai jati diri yang utuh. Dasar ini menjajarkan 44 dasar berkaitan instrumen sosial di 19 kementerian berportfolio sosial dalam Kerajaan MADANI.

### **Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan**

18. Selaras dengan komitmen Kerajaan ke arah transformasi digital di Malaysia, KPWKM seharusnya menyokong komitmen ini melalui pendigitalan penyampaian perkhidmatan KPWKM. Di samping membangunkan sistem atau aplikasi yang baru, sistem dan aplikasi sedia ada juga perlu dinaik taraf selari dengan keperluan teknologi semasa yang berubah dengan pantas. Antara sistem dan aplikasi sedia ada yang wajar dilihat semula keberkesannya untuk tujuan naik taraf adalah seperti Sistem Talian Kasih 15999, Sistem Pendaftaran dan Pemetaan Warga Emas (eWE) dan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (eDKK). Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan syabas di atas keberkesanan Aplikasi Infobencana JKM yang menjadi rujukan bukan sahaja di kalangan tenaga

kerja Kementerian kita, malah turut membantu rakan-rakan kita di kementerian dan agensi yang lain seperti NADMA dan Kementerian Pendidikan serta juga rakyat di luar sana. Tahniah saya ucapkan dan saya percaya aplikasi ini boleh dipertingkatkan dalam menambah baik dan meluaskan lagi capaiannya.

### **Tadbir Urus dan Integriti Dalam penyampaian Perkhidmatan**

19. Sebagai sebuah Kementerian yang bekerja di barisan hadapan, KPWKM sentiasa berhadapan dengan orang ramai dan kerap berdepan dengan pelbagai situasi karenah dan ragam manusia. Sudah lumrah manusia di zaman kini, sedikit kekurangan ditularkan, segunung bakti tidak disedari. Adalah menjadi harapan saya agar semua warga sentiasa mempamerkan budaya dan cara kerja terbaik, menjadi relevan sebagai tempat rujukan dan melangkah selanjutnya menjadi *focal reference* dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua kumpulan sasar Kementerian. Ingatlah puan-puan dan tuan-tuan sekalian, Tuhan Maha Melihat dan Maha Mengetahui segala kerja baik yang anda semua curahkan.

20. Pada masa yang sama, Kelemahan tadbir urus dan kurangnya integriti akan menyebabkan objektif sesuatu program tidak tercapai dan penyampaian manfaat kepada kumpulan sasar akan tertangguh. Ia akan menyebabkan kerugian kepada rakyat dan secara tidak langsung akan menghakis kepercayaan awam kepada Kerajaan dan penjawat awam.

21. Oleh itu, inisiatif anti-rasuah perlu sentiasa didukung. Begitu juga dengan isu pelanggaran tatakelakuan dan integriti dalam organisasi. Pemantauan tingkah laku pegawai dan kakitangan sangat penting dalam usaha mencegah amalan rasuah dan pelanggaran integriti dalam setiap organisasi. Saya percaya tanpa rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa,

penyampaian perkhidmatan KPWKM akan dapat terus ditingkatkan dari sudut kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti.

## **PENUTUP**

22. Sebagai penutup bicara, saya sekali lagi mengingatkan kepada semua warga KPWKM supaya bersama-sama merapatkan saf, menanam azam demi menjayakan dan melaksanakan agenda negara yang tercinta dengan menempa kejayaan baharu yang lebih besar serta bersedia melangkah ke tahun 2024 dengan keyakinan yang lebih padu. Akhir kata, marilah kita sama- sama berdoa agar kita terus dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan hidup di bumi Malaysia yang aman makmur ini. Semoga segala usaha murni kita menjayakan visi, misi dan objektif KPWKM dalam menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar diberkati Allah SWT dan mencapai matlamat dengan jayanya.

23. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun;

**Dari Santubong ke Parit Sulong,**

**Lintas Selat ke Singapura,**

**Kumpulan sasar kita tolong;**

**Teguhkan hati, gigihkan usaha**

Sekian. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.